Badan Peguam Malaysia
Malaysian Bar

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Circular No 398/2026
Dated 4 Nov 2026

To Members of the Malaysian Bar

Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 4 Tahun 2026
Kadar Bayaran Penyediaan Nota Keterangan Bagi Kes Jenayah

The Chief Judge of Malaya, YAA Datuk Seri Hashim b Hamzah, has issued a Practice Direction titled "Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 4 Tahun 2026: Kadar Bayaran Penyediaan Nota Keterangan Bagi Kes Jenayah" ("Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 4/2026") dated 22 Oct 2026.

This Practice Direction sets out the guidelines on the fees chargeable for the preparation of notes of evidence in criminal cases, including the circumstances in which fees may be charged and how they are calculated based on folios. It also clarifies that no fees may be charged for preparing the record of appeal, including notes of evidence and grounds of judgment, where a criminal appeal has been filed. The Practice Direction will take effect on **16 Nov 2026 (Monday)** and shall be read together with the Practice Direction titled "Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 2 Tahun 2024 | Tatacara dan Prosedur Permohonan dan Serahan Rakaman Prosiding Mahkamah" dated 4 Oct 2024, which is accessible here.

Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 4/2026 is accessible here (see page 2 onwards) for your reference.

Thank you.

R Jayabalan
Secretary
Malaysian Bar

HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Ruj. Kami: (๔๑) PKPMP.PHBM.600-2/3/1

Tarikh: 22 Oktober 2026

YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen Malaya

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret
Mahkamah Majistret Malaya

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA
BILANGAN 4 TAHUN 2026
KADAR BAYARAN PENYEDIAAN NOTA KETERANGAN
BAGI KES JENAYAH

Setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, saya mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi memaklumkan mengenai kadar bayaran penyediaan Nota Keterangan bagi kes jenayah.

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi kadar bayaran penyediaan Nota Keterangan bagi kes jenayah.

KETIDAKPAKAIAN

3. Arahan Amalan ini tidak terpakai bagi sebarang permohonan penyediaan Nota Keterangan yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya di bawah seksyen 433(2) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

PANDUAN BERHUBUNG DENGAN KADAR BAYARAN

4. Apabila rayuan terhadap sesuatu keputusan kes jenayah telah difailkan, penyediaan Rekod Rayuan yang melibatkan Nota Keterangan dan Alasan Penghakiman adalah diperlukan dan tiada kadar bayaran boleh dikenakan bagi tujuan penyediaan Rekod Rayuan tersebut.

5. Walau apa pun perenggan 4 dan sekiranya terdapat permohonan oleh pihak-pihak untuk penyediaan Nota Keterangan, kadar bayaran bagi penyediaan Nota Keterangan tersebut hanya boleh dikenakan dalam hal keadaan yang berikut:

(a) sebelum sesuatu kes jenayah selesai (contohnya bagi tujuan pemeriksaan balas saksi atau penyediaan hujahan bertulis); dan

(b) selepas sesuatu kes jenayah selesai dan tiada rayuan difailkan.

6. Kelulusan terhadap permohonan untuk penyediaan Nota Keterangan di bawah perenggan 5 adalah tertakluk kepada budi bicara Hakim atau Pegawai Kehakiman yang berkenaan.

7. Dengan mengambil kira tiada kadar bayaran bagi penyediaan Nota Keterangan diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 5, rujukan kadar bayaran hendaklah dibuat kepada Butiran 74, Lampiran B1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A)205/2012*] sebagai panduan.

8. Kadar bayaran bagi penyediaan Nota Keterangan hendaklah dikira berdasarkan folio dan bukannya berdasarkan bilangan helaian muka surat dan bagi tujuan perenggan ini, "folio" adalah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Aturan 1, Kaedah 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 iaitu "folio" ertinya 100 perkataan dengan setiap angka dikira sebagai satu perkataan.

9. Satu salinan Nota Keterangan yang telah ditaip oleh individu yang diberi kuasa oleh Hakim atau Pegawai Kehakiman hendaklah disahkan melalui tandatangan Hakim atau Pegawai Kehakiman bagi menjadikannya sebagai rekod rasmi Mahkamah dan untuk tujuan kelulusan bayaran.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

10. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **16 November 2026** dan dibaca bersama Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 2 Tahun 2024 Tatacara dan Prosedur Permohonan dan Serahan Rakaman Prosiding Mahkamah.

DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH
Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Badan Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian Penyelidikan
Pejabat Ketua Hakim Negara
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya